

Katalog ini dijual pada harga RM 20.00 (Malaysia) dan US 20.00 (luar negara) senaskhah. Kedua-dua terbitan di atas boleh dipesan melalui:

Koperasi kedaibuku
Universiti Malaya Bhd.
Peti Surat 1127
Jalan Pantai Baru
59700 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Terbitan Luar Negara

Carveth Wells. *Six Years In the Malay Jungle.* Singapore : Oxford University Press, 1988. 261 halaman.

Buku tersebut memaparkan pengalaman seorang jurutera British semasa bertugas di Malaya selama 6 tahun dari tahun 1913 hingga tahun 1918. Bab 11, 12 dan 13 menceritakan pengalaman beliau selama berada di Kelantan. Buku tersebut boleh didapati di Perpustakaan Negara Malaysia, nombor kelas M 915.95 WEL dan juga di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, nombor kelas DS 592.4 W45.1988.3.

Maklumat yang menarik di dalam buku ini ialah tentang kekacauan yang berlaku di Kelantan pada ketika itu, terutama sekali penentangan rakyat Kelantan di bawah pimpinan Tok Janggut terhadap British. Carveth Wells sendiri sempat melihat mayat Tok Janggut yang dibawa dari Pasir Putih ke Kota Bharu. Mengikut beliau, gelaran Tok Janggut diberikan kerana tokoh berkenaan mempunyai "a long beard right down to his knees - but it had only four hairs in it!" (hlm. 177).

Buku ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja yang ingin mengkaji tentang manuskrip Melayu yang berjudul *Sejarah Tok Janggut*. Di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, terdapat dua buah

manuskrip sedemikian yang dianggap sebagai manuskrip paling muda di dalam koleksi Pusat Manuskrip Melayu.

Hikayat Isma Yatim dan Hikayat Sultan Mogul Mengajar anaknya : a Facsimile Edition of Manuscript Cod. Or. 1693 in the Library of Leiden University. Leiden : Indonesian Linguistics Development Project, 1993. 127 halaman.

Sebuah manuskrip Melayu di dalam koleksi Perpustakaan Universiti Leiden, Nombor Kelas Cod. Or 1693, telah diterbitkan pada tahun 1993, dalam bentuk salinan faksimili yang berukuran 35 x 24 sm. Manuskrip tersebut mengandungi dua judul iaitu *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Sultan Mogul Mengajar Anaknya*. Penerbitan ini dihasilkan atas daya usaha Dr. Roger Tol, Ketua Pustakawan, Koninklijk Instituut Voor Taal-, Landen Volkunkunde (KITLV), Leiden, Dr. Jan Just Witkam, **Interpres Legati Warneriani**, Universiti Leiden dan Dr. Wim Stokhof, **Professor of Austronesian Linguistics**, Universiti Leiden. Bab pengenalan disediakan oleh Dr. Roger Tol dan Dr. Jan Just Witkam. Satu naskhah terbitan berkenaan terdapat di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Buku ini diterbitkan oleh Indonesian Linguistics Development Project dengan kerjasama Legatum Warnerianum, Universiti Leiden.

Penaung:	Mariam Abdul Kadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
Sidang Redaksi:	Shahar Banun Jaafar, PNM Hj Wan Ali Wan Mamat, PNM Haji Ibrahim Ismail, UM Rogayah Mohd. Yassin, UKM Raja Masittah Raja Ariffin, DBP Munazzah Hj Zakaria, PNM
Urusetia:	Perpustakaan Negara Malaysia Pusat Manuskrip Melayu 232, Jalan Tun Razak 50572 Kuala Lumpur Tel: 2943488/2943100 2924079 (Talian terus)